

# Sekongkol edar heroin

Metro 13/6/12 MS 6

**A**LOR SETAR: Polis berjaya menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah selepas menahan seorang lelaki tempatan bersama dua wanita warga asing di sebuah rumah teres satu tingkat di Taman Seri Kota, Jalan Kuala Kedah, di sini, petang kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira jam 1.30 tengah hari itu, tiga individu terbabit yang berusia 30 hingga 41 tahun ditahan bersama-sama dadah jenis heroin seberat kira-kira 1.1 kilogram bersama tiga

tiub berisi dadah jenis syabu seberat 2.04 gram yang dibungkus dalam plastik hitam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Superintendan Abdul Razak Md Zin berkata, nilai dadah yang dirampas itu dianggarkan berjumlah RM41,100 dan dipercayai untuk pasaran di daerah Kota Setar.

Katanya, polis turut merampas sebuah kereta Proton Perdana yang dipercayai digunakan untuk pengedaran dadah bersama wang tu-

nai RM7,000 dan matawang Thailand bernilai RM41,500:

“Difahamkan, kumpulan itu sudah sebulan menyewa rumah teres berkenaan dan polis masih menjalankan siasatan bagi mengenal pasti modus operandi mereka,” katanya kepada pada sidang media, di sini, semalam.

Abdul Razak berkata, siasatan awal mendapati ketiga-tiga individu terbabit positif dadah melalui ujian air kencing yang dijalankan se-jurus ditahan, kelmarin.



**TUMPAS...Abdul Razak (tengah) menunjukkan bungkusan dadah yang dirampas.**